

2.0 Dasar-Dasar Pembangunan





2.0 DASAR-DASAR DAN STRATEGI

Dasar-dasar yang diambil kira dalam melaksanakan kajian bagi Pelan Induk Landskap MDP ini adalah meliputi dasar yang dibentuk melalui Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Akta-Akta lain yang berkaitan.

Melalui dasar-dasar dan strategi yang telah dibentuk pada peringkat RSN serta RTD, Pelan Induk Landskap dapat dibentuk dengan pendekatan yang lebih formal dan bersistematik. Oleh yang demikian, matlamat dan cadangan pembangunan Pelan Induk Landskap bagi Majlis Daerah Pontian adalah lebih jitu selaras dengan garis panduan pembangunan yang sedia ada.

2.1 DASAR-DASAR PEMBANGUNAN WILAYAH

i. Dasar-dasar Pembangunan Spatial Peringkat Wilayah

Strategi pembangunan spatial merupakan salah satu langkah untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan pembangunan di antara wilayah melalui pengagihan manfaat pembangunan secara lebih saksama. Dengan itu strategi yang diatur akan dibahagikan kepada empat wilayah iaitu wilayah utara, tengah, selatan dan timur.

Pembentukan Dasar Pembangunan Spatial ini telah dipengaruhi oleh beberapa dasar dan strategi pembangunan negara utama iaitu merangkumi Dasar Perbandaran, Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pertanian dan Dasar Alam Sekitar.

ii. Dasar Perbandaran

Dasar Perbandaran bertujuan untuk mengecilkan jurang perbezaan dan ketidakseimbangan pembangunan melalui pembangunan bandar-bandar baru, bandar kecil dan sederhana, bandar sempadan, petempatan kampung berkelompok, penyerakan dan petempatan semula industri, peningkatan rangkaian perhubungan antara bandar dan luar bandar. Bagi Daerah Pontian, dasar ini perlu digunakan kerana terdapat jurang yang tinggi di antara bandar terutamanya dari segi kemudahan infrastruktur dan juga peluang-peluang pekerjaan.

2.2 DASAR-DASAR NEGARA

i. Dasar Pembangunan Baru (DPB)

Matlamat DPB adalah untuk mencapai pembangunan ekonomi bagi mewujudkan sebuah negara yang lebih bersepadu dan adil. Melalui dasar ini, empat strategi utama telah digariskan iaitu:

- Mengalihkan arah tumpuan strategi ke arah membasmi kemiskinan di kalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif.
- Menumpukan kepada pengwujudan gunatenggara dan pembangunan pesat sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB) yang aktif sebagai strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan penyertaan bumiputra yang lebih bermakna dalam sektor-sektor permodenan.
- Meningkatkan lagi penglibatan sektor awam dalam proses penyusunan semula masyarakat melalui pengwujudan peluang-peluang yang lebih luas untuk sektor tersebut berkembang.

ii. Dasar Pertanian Negara (DPN)

Matlamat DPN adalah untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber tenaga dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan negara keseluruhannya.

Bagi mencapai matlamat ini, beberapa strategi pelaksanaan telah dibentuk. Ini meliputi strategi pembukaan tanah baru, pembangunan In-Situ, penyediaan khidmat sokongan dan galakan serta pendekatan melalui pembangunan sosial dan institusi.

Secara keseluruhannya, sektor pertanian merupakan aktiviti ekonomi yang penting di daerah Pontian. Melalui strategi pelaksanaan Dasar Pertanian Negara ini juga, daya pengeluaran dapat dipertingkatkan dengan memperbaiki kemudahan infrastruktur seperti parit dan tali air, program tanaman semula, pembinaan jalan luar bandar dan sebagainya di kawasan kajian.



iii. Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar.

Objektif dasar ini adalah untuk meninggikan mutu dan daya pengeluaran pertanian, meningkatkan pendapatan petani dan pekerja desa serta meninggikan taraf hidup mereka, memudahkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan dan lain-lain prasarana. Matlamat dasar adalah bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar.

Untuk mencapai tujuan tersebut tiga strategi utama telah dirumuskan.

- Menggabungkan kebun-kebun kecil supaya menjadi mini estet dengan keluasan atau saiz yang munasabah untuk diurus dengan baik.
- Menggunakan cara perladangan moden bagi meningkatkan taraf kecekapan.
- Menempatkan semula kampung-kampung terpencil supaya menjadi Pusat Pertumbuhan Desa.

Berdasarkan RTD, perancangan Pusat Pertumbuhan Desa adalah pendekatan yang boleh digunakan dalam menyusun semula masyarakat kampung secara fizikal. Melalui pendekatan ini, ia akan memudahkan penyediaan infrastruktur, sosial dan fizikal seperti bekalan air, elektrik, jalan, sekolah, klinik, kedai, bengkel dan industri-industri lain.

iv. Dasar Perindustrian Negara

Dari segi pembangunan perindustrian, Pelan Induk Perindustrian adalah teras utama di dalam memandu negara di bidang perindustrian ke arah yang lebih berkesan. Di antara matlamat utama Pelan Induk Perindustrian dan sektor industri kecil adalah untuk menghasilkan penggunaan sumber secara optimum.

Melalui salah satu strateginya, Pelan Induk Perindustrian telah mencadangkan supaya kegiatan-kegiatan perindustrian diwujudkan di kawasan sediaada yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang diperlukan (*western corridor*).

v. Dasar Perhutanan Negara

Kepentingan dasar ini adalah untuk memberi perlindungan, memelihara dan menjamin penggunaan kawasan-kawasan hutan sebagai punca pengeluaran semua jenis hasil hutan dalam menjamin alam sekitar sebagai kawasan beristirehat, penyelidikan/ pendidikan dan memelihara tumbuh-tumbuhan dan mergastua.

Atas kepentingan yang telah dikenal pasti oleh Dasar Perhutanan Negara, kawasan-kawasan hutan di

kawasan kajian adalah perlu dipelihara bukan sahaja untuk tujuan perhutanan semasa tetapi juga untuk kepentingan masa hadapan.

2.3 STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI

i. Strategi Pembangunan Fizikal

Berdasarkan kajian semula Perancangan Dan Pembangunan Wilayah Negeri Johor, Kerajaan Negeri telah menerima pakai Strategi Pertumbuhan Berselerak Tertumpu (*Concentrated Dispersal Strategy*) sebagai rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan Negeri Johor.

Strategi ini merangkumi dua konsep perancangan pembangunan wilayah iaitu Kutub Pertumbuhan dan Pusat Pertumbuhan. Berdasarkan strategi ini, Johor Bahru dikenal pasti sebagai Kutub Pertumbuhan manakala Bandar Penggaram, Bandar Maharani, **Pontian**, Segamat, Kluang, Mersing dan Kota Tinggi adalah merupakan pusat-pusat pertumbuhan utama bagi Negeri Johor.

ii. Koridor Perindustrian

Sejajar dengan Strategi Pelan Induk Perindustrian, pembangunan perindustrian di Negeri Johor pada masa depan adalah tertumpu di sepanjang lebuhraya utara-selatan. Di samping itu, akan wujud persimpangan koridor antara Muar-Segamat, **Pontian-Kluang** dan Gelang Patah-Kota Tinggi.

iii. Strategi Pembangunan Utama

Johor Operational Master Plan telah merumuskan beberapa strategi pembangunan ekonomi seperti;

- Transformasi Struktur
Transformasi struktur melalui perindustrialisasi, modenisasi pertanian dan pengwujudan sektor perkhidmatan yang kuat. Ini akan dicapai melalui peningkatan sumber manusia, pelaburan asing secara terus dan usahawan tempatan termasuk bumiputra.
- Kerjasama Wilayah Dengan Negeri Dan Negara Jiran.
- Pembangunan Johor Bahru kepada bandar antarabangsa, teknopolis moden dan kutub pertumbuhan selatan bagi meningkatkan pembangunan Negeri Johor terutama dalam sektor perkhidmatan dan industri teknologi tinggi.



iv. Kerjasama Wilayah

Pertumbuhan segitiga IMS-GT dan Kerjasama antara negeri jiran. Konsep asas dalam kerjasama segitiga Indonesia/ Malaysia/ Singapura ialah mengeksploitasi sepenuhnya sumber-sumber semula jadi, sumber manusia, infrastruktur dan kewangan diseluruh kawasan untuk faedah bersama.

2.4 DASAR PEMBANGUNAN MENGIKUT RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) JOHOR

Diantara dasar umum pembangunan Dsaerah Pontian.

Kawasan Had Pembangunan

DU 1 : SEMUA KELULUSAN PEMBANGUNAN AKAN MENGIKUT KAWASAN HAD PEMBANGUNAN SEPERTI DALAM GAMBARAJAH UTAMA.

Hierarki Petempatan

DU 2 : PEMBANGUNAN PETEMPATAN SEHINGGA 2020 ADALAH BERDASARKAN HIERARKI PETEMPATAN YANG DICADANGKAN DAN FUNGSI PUSAT PERTUMBUHAN BAGI SETIAP DAERAH DIKEKALKAN.

Koridor Pembangunan

DU 3 : TUMPUAN PEMBANGUNAN SECARA 'INFILL' AKAN DITUMPUKAN KE KORIDOR-KORIDOR PEMBANGUNAN SEDIA ADA DAN KORIDOR BARU YANG TELAH DITETAPKAN.

Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti

DU 7 : PIHAK KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN TEMPATAN AKAN MEMASTIKAN PENYEDIAAN. KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI ADALAH MENCUKUPI SERTA LENGKAP BAGI KEPERLUAN SEMASA DAN MASA HADAPAN.

Pembangunan Pengangkutan

DU 8 : SISTEM PENGANGKUTAN DAN PENGURUSAN YANG LEBIH MENYELURUH, CEKAP DAN BERSISTEMATIK PERLU DIPERTINGKATKAN DEMI MEMASTIKAN SISTEM PERHUBUNGAN YANG LEBIH KOMPREHENSIF.

Pembangunan Alam Sekitar

DU 12 : KEPERLUAN PEMBANGUNAN MAMPAN AKAN DIUTAMAKAN BAGI MEWUJUDKAN KESINAMBUNGAN YANG SEIMBANG ANTARA SUDUT PEMBANGUNAN ALAM SEKITAR DENGAN ASPEK FIZIKAL, EKONOMI, SOSIAL DAN SUMBERJAYA.

Dasar Rancangan Struktur Khusus bagi Landskap dan Rekreasi

DSRS1 PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN AKAN MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM MEMAJUKAN KAWASAN-KAWASAN SEMULA JADI BAGI MEMASTIKAN PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN DIRANCANG, DIKAWAL, DILAKSANAKAN SERTA DI SELENGGARA SECARA TERBAIK

Pontian merupakan daerah yang kaya dengan sumber jaya semula jadi seperti hutan paya, dan pantai. Pelbagai agensi terlibat di dalam memajukan kawasan-kawasan semula jadi di kawasan RTD. Antara agensi-agensi utama yang terlibat adalah Perbadanan Taman Negara Johor.

DSRS2 MENGGALAK PEMBANGUNAN RUANG-RUANG BERSIAR DENGAN KEMUDAHAN AWAM SERTA ELEMEN-ELEMEN BERLANDSKAP DI PUSAT-PUSAT BANDAR (*COMMERCIAL CENTRE*) DAN DI KOMPLEKS BELI BELAH YANG BESAR
Ruang bersiar di pusat bandar penting di dalam memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pengunjung manakala kemudahan awam dan landskap perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memberikan imej yang menarik terhadap sesebuah pusat bandar.

DSRS3 PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN AGENSI KERAJAAN YANG BERKAITAN AKAN MENYEDIAKAN TAMAN-TAMAN AWAM DAN TEMPAT-TEMPAT REKREASI BERASASKAN UNJURAN KAWASAN-KAWASAN BERKAITAN

Unjuran akan dibuat di peringkat ini bagi memastikan keperluan rekreasi penduduk adalah mencukupi sehingga tahun 2020. Laporan ini akan membuat unjuran keperluan rekreasi bagi taman kejiranan, taman tempatan, taman bandaran, taman wilayah dan juga taman nasional.



DSRS4 **AKTIVITI REKREASI DAN SUKAN SEBAGAI SUMBER TARIKAN PELANCONGAN NEGERI JOHOR**

Bagi kawasan kajian, antara aktiviti sukan yang menjadi daya tarikan utama adalah permainan golf di Kukup Golf Resort. Manakala terdapat sukan yang berdaya untuk dimajukan iaitu pertandingan nyanyian burung di Pantai Rambah, boleh diketengahkan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

2.5 RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN

Rancangan Tempatan Daerah Pontian (RTD) merupakan rancangan terperinci bagi setiap kawasan yang dikaji.

Wawasan RTD ialah “membangunkan daerah Pontian dengan satu rangkaian perbandaran yang moden dan disokong dengan pembangunan sektor-sektor ekonomi yang berdaya maju, peningkatan kualiti hidup serta pengurusan sumber jaya semula jadi secara mampan”.

Manakala halatuju pembangunan daerah Pontian sepertimana yang digariskan didalam RTD ialah :

- PENINGKATAN KUALITI HIDUP
- PENGURUSAN SUMBERJAYA
- PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MANTAP
- PEMBANGUNAN PERBANDARAN YANG MODEN SERTA PEMBANGUNAN FIZIKAL YANG TERATUR DAN TERANCANG

Empat teras halatuju pembangunan yang dinyatakan dalam RTD jelas menunjukkan bahawa, daerah Pontian mampu mempertingkatkan daya pembangunan ekonomi dan fizikal daerah Pontian.

Manakala pendekatan Rancangan Tempatan Daerah Pontian bagi perancangan landskap ialah tertumpu kepada kawasan lapang dan rekreasi. Ia menjurus kepada kepentingan hierarki dimana ianya:

a. Rekreasi dan Lipur Diri

Kawasan yang dipertimbangkan untuk tujuan pembentukan kawasan rekreasi adalah kawasan tanah kosong yang mempunyai keluasan yang sesuai.

b. Taman Permainan Kanak-Kanak

Taman permainan kanak-kanak akan dibangunkan berdekatan dengan kawasan-kawasan perumahan.

c. Taman Kejiranan dan Tempatan

Kawasan yang disediakan di setiap pembangunan kawasan perumahan erta kawasan daerah berdasarkan kapasiti penduduknya.

d. Taman Bandar

Kawasan yang telah dikenal pasti di kawasan bandar akan dibangunkan dengan kemudahan sukan seperti badminton, tennis, trek jogging, taman permainan kanak-kanak dan kemudahan rekreasi air.

e. Taman Wilayah dan Rezab Hutan Simpan

Kawasan yang telah dikenal pasti di daerah Pontian yang mampu menampung keperluan yang dinyatakan. Rezab Hutan Simpan merupakan kawalan terhadap kawasan hutan sediaada termasuk kawasan hutan paya bakau dan pulau-pulau yang berhampiran. (Tertakhluk kepada Perbadanan Taman Negara).

f. Peningkatan Sistem Pejalan Kaki Dan Kemudahan lain. Peningkatan sistem pejalan kaki serta kemudahan-kemudahan di daerah Pontian perlu dilakukan ke atas kawasan-kawasan perumahan, perdagangan dan kawasan rekreasi.

2.6 AKTA-AKTA LAIN YANG BERKAITAN

Akta-akta yang diguna pakai di dalam membentuk Pelan Induk Landskap sebagai pendukung bagi menghasilkan kajian yang lebih terperinci adalah :-

- a. Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976
- b. Akta 172, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976
- c. Akta 133, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
- d. Akta Kualiti Alam Sekitar
- e. Akta Hutan 1934 & Akta Perhutanan Negara
- f. Akta Industri Pelancongan



Akta-akta yang tertera di atas adalah bertujuan sebagai dokumen dan akta gubalan sokongan terhadap dasar-dasar pembangunan landskap yang telah dinyatakan.

Ia bertindak sebagai langkah kawalan pembangunan sekiranya, terdapat pelbagai pertindihan isu dan masalah terhadap sesetengah kawasan.

2.7 RUMUSAN

Melalui penelitian dasar dan strategi yang telah di gariskan, jelaslah menunjukkan pembangunan di kawasan pentadbiran majlis Daerah Pontian akan terus membangun seiring dengan wawasan dan matlamat yang telah digariskan di peringkat Negeri dan Tempatan. Pembangunan yang pesat dengan rancangan dan strategi nyata memberi kesan dari segi ekonomi dan infrastruktur ke atas pembangunan sosial di Daerah Pontian.

Secara keseluruhannya, Daerah Pontian merupakan daerah yang berpotensi untuk dimajukan sebagai satu hub sosio-ekonomi yang berdaya maju di samping memiliki nilai pembangunan landskap yang mampan.

Oleh yang demikian, Pelan Induk Landskap memainkan peranan penting sebagai dokumen sokongan pembangunan Daerah Pontian dalam memastikan setiap pembangunan yang dirancangan adalah selari.